

NO. SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia bertindak supaya syarikat-syarikat konsesi jalan raya bertol, IPP (syarikat pembekal kuasa tenaga) berkenaan, bersetuju menerima hanya sejumlah keuntungan yang minimum dan menyerah dengan rela hati keuntungan selebihnya kepada Kerajaan/agensi berkenaan sebagai langkah membantu mengurangkan kos hidup rakyat menghadapi keadaan sekarang ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memastikan perjanjian konsesi bagi projek-projek penswastaan ditandatangani berdasarkan pendekatan menang-menang (*win-win* - dengan izin) dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek penyampaian perkhidmatan dan penyediaan infrastruktur berkualiti tinggi serta penetapan terma dan syarat yang tidak akan menjelaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, konsep *win-win* juga memastikan penetapan kadar pulangan berdasarkan *Internal Rate of Return* (IRR - dengan izin) yang minima serta dipersetujui oleh syarikat konsesi melalui proses rundingan.

Berhubung projek-projek penswastaan lebuh raya, selain menetapkan kadar pulangan minima, Kerajaan juga telah menetapkan syarat perkongsian keuntungan dalam perjanjian berdasarkan pencapaian kepada *threshold* tertentu. Walau bagaimanapun, perkongsian keuntungan ini menjadi efektif sekiranya kutipan tol melebihi unjurran (yang dibuat terdahulu) dan syarikat konsesi telah menyempurnakan kos perbelanjaan modal (*capital expenditure* - dengan izin) serta kos pembiayaan sepenuhnya.

Bagi projek penswastaan IPP pula, Kerajaan tidak menetapkan sebarang syarat berkenaan perkongsian keuntungan kepada mana-mana syarikat konsesi. Dalam hal ini, Kerajaan akan sentiasa mendapat manfaat daripada aspek kutipan cukai korporat sekiranya

syarikat konsesi mencatat sebarang keuntungan. Walau bagaimanapun, bagi menangani syarikat konsesi mendapat keuntungan luar biasa, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme bidaan secara kompetitif (*competitive bidding* - dengan izin) bagi memastikan *value for money* (dengan izin) dan pelaksanaan projek tidak akan menjaskan komitmen kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.